



## **ARAHAN JABATAN BIL.5 TAHUN 2021 / I**

**JPJ.BC.100-1/5/1 JLD.2 (42)**

### **POLISI ANTIRASUAH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

**TARIKH KUATKUASA:  
20 SEPTEMBER 2021**

ARAHANINI MENGANDUNGIDUA PULUH LAPAN (28) MUKA SURAT BER CETAK  
UNTUK EDARAN DALAMAN SAHAJA

BAHAGIAN INTEGRITI

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, ARAS 3 – 5, NO.26, JALAN TUN HUSSEIN,  
PERSIARAN PERDANA PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN, 62100 PUTRAJAYA

# **ARAHAN JABATAN BILANGAN 5 TAHUN 2021/ 1**

## **POLISI ANTIRASUAH JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

Ruj. Kami : JPJ.BC.100-1/5/1 Jld. 2 (42)  
Tarikh : 20 September 2021

Semua Pengarah Bahagian  
Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Semua Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri

Pengarah  
Akademi Pengangkutan Jalan

---

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Polisi ini diwujudkan sebagai panduan kepada warga Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah serta inisiatif atau usaha-usaha antirasuah untuk menghapuskan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang wujud dalam Jabatan dan melibatkan pihak-pihak berkepentingan.
- 1.2 Meningkatkan tadbir urus terbaik, integriti dan pengurusan antirasuah Jabatan ke arah bebas rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

## **2. TAKRIFAN**

### **2.1 Rasuah**

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 membawa maksud memberi atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

### **2.2 Suapan**

Di bawah Seksyen 3, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, ‘suapan’ ertinya;

- i. Wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- ii. Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- iii. Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa jaminan, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- iv. Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

- v. Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- vi. Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhawatir atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- vii. Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

### 2.3 **Warga JPJ**

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di JPJ sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan dan juga termasuk lantikan politik. Warga JPJ juga termasuk Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana atau Sokongan.

## 3. **LATAR BELAKANG**

- 3.1 Kerajaan pada 19 Januari 2018 telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang mencerminkan harapan tinggi rakyat Malaysia ke arah negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti. Melalui NACP, Jabatan diwajibkan untuk membangunkan dan mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025 dalam tempoh

dua (2) tahun dan memperolehi pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System (ABMS)* agar isu berkaitan rasuah dan salah guna kuasa dapat diselesaikan dengan efisien dan efektif.

- 3.2 Selaras dengan itu, JPJ komited mendokong dan merealisasikan aspirasi dan iltizam Kerajaan tersebut, dengan membangunkan dan memfokuskan pelan tindakan efektif ke atas Pelan Pengurusan Risiko Rasuah, Pelan Strategik JPJ, OACP dan pelbagai inisiatif antirasuah oleh Jabatan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan penguatkuasaan Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan sebagai mekanisma kawalan dalaman dan luaran terhadap salah laku jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa untuk ditangani dengan cekap dan berkesan.

#### **4. KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH JPJ**

- 4.1 Mulai tarikh arahan ini dikeluarkan, Kenyataan Polisi Antirasuah JPJ adalah seperti berikut:

**JPJ beriltizam untuk mentransformasikan sistem pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan yang berkualiti dan kondusif dengan menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah melalui pengaplikasian pendigitalan secara berterusan bagi memenuhi aspirasi negara selaras dengan pelaksanaan MS ISO 37001:2016 ABMS.**

Justeru itu, JPJ komited untuk:

- i. Membanteras segala amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa daripada berlaku dalam kalangan warga JPJ bagi memastikan segala ruang dan peluang rasuah dapat ditangani dengan cekap dan berkesan;
- ii. Mematuhi peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan undang-undang atau peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di setiap peringkat pegawai, kakitangan dan anggota JPJ;
- iii. Menguatkuasakan pengawalseliaan dan pemantauan ke atas ketelusan perkhidmatan Jabatan dan pihak berkepentingan termasuk rakan niaga selaras dengan visi, misi dan Pelan Strategik JPJ serta OACP Jabatan;
- iv. Mewujud dan melaksanakan OACP JPJ sebagai rangka kerja untuk penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif antirasuah yang efektif;
- v. Melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, mengesan dan respon ke atas sebarang bentuk rasuah dengan memenuhi keperluan-keperluan di dalam MS ISO 37001:2016 ABMS;
- vi. Menyediakan ruang, saluran aduan dan perlindungan pemberi maklumat untuk melaporkan sebarang kesalahan rasuah atau kelakuan tidak wajar melalui peruntukan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010;

- vii. Menambahbaik keperluan-keperluan di bawah Polisi Antirasuah JPJ dari semasa ke semasa;
- viii. Mewujud dan memperkasakan Jawatankuasa Fungsi Pematuhan Antirasuah yang bebas untuk memantau pematuhan sistem pengurusan antirasuah secara komprehensif dan melaporkan kepada Badan Pentadbir dan Pengurusan Tertinggi JPJ secara telus dan profesional;
- ix. Mengenakan tindakan punitif dan tatatertib ke atas warga JPJ yang gagal mematuhi Polisi Antirasuah atau melanggar mana-mana undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.

**Matlamat utama polisi ini adalah untuk meningkatkan tahap kefahaman dan pematuhan kepada setiap warga JPJ termasuklah pihak-pihak yang berkepentingan membanteras jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara holistik dan responsif.**

## 5.      **OBJEKTIF POLISI ANTIRASUAH JPJ**

- 5.1      Meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan penguatkuasaan yang cekap, responsif dan berakauntabiliti selaras dengan kehendak pelanggan dan pemegang taruh.
- 5.2      Mengurangkan ketirisan hasil dan meningkatkan produktiviti Jabatan.
- 5.3      Melahirkan warga organisasi yang kompeten serta berdaya saing.

- 5.4 Menginstitusikan mekanisme pendigitalan dalam urusan perkhidmatan dan komponen kerja dalam Jabatan.
- 5.5 Meningkatkan kefahaman, kepatuhan dan keberkesanannya pelaksanaan MS ISO 37001:2016 ABMS.

## 6. PERLAKUAN-PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

- 6.1 **Transactive** : Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan.
- 6.2 **Extortive** : Ugutan dengan tujuan tidak mengambil tindakan.
- 6.3 **Defensive** : Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan.
- 6.4 **Investive** : Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan.
- 6.5 **Nepotisme** : Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu.
- 6.6 **Autogenic** : Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi.
- 6.7 **Supportive** : Penempatan proksi / kroni di tempat strategik (*hotspot*) dalam organisasi.

## **7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009**

### **7.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16**

Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

### **7.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17**

Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetuju terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

### **7.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18**

Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan

yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

7.4 **Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21**

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

7.5 **Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23**

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

7.6 **Hukuman di bawah Seksyen 24**

i. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23, apabila disabitkan boleh:

- a. Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
- b. Didenda tidak kurang lima (5) kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

- ii. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 apabila disabitkan boleh:
- Dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
  - Didenda tidak kurang lima (5) kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

#### **7.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25**

- Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, beserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.
- Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:
  - Didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
  - Dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- Mana-mana orang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu beserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

iv. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- a. Didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit; atau
- b. Dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.

7.8

**Kesalahan menerima barang berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165.**

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau mana-mana orang lain apa-apa barang berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai dibawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

7.9

**Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan.**

Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

## **8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA**

### **8.1 Akta Rahsia Rasmi 1972**

Rahsia rasmi adalah apa-apa suratan yang dinyatakan di dalam jadual dan apa-apa maklumat dan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenaan oleh seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972.

### **8.2 Kanun Keseksaan**


Kanun Keseksaan merupakan undang-undang utama yang mengendalikan perundangan jenayah di Malaysia termasuklah kesalahan jenayah berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Kesalahan berkaitan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang dilakukan oleh penjawat awam boleh disabitkan di bawah Seksyen 161, 162, 163, 164, 165, 166 dan 167.

### **8.3 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993**

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993 diwujudkan di bawah Perkara 132(2) Perlembagaan Persekutuan yang menggantikan Bab 'D' Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U (A) 396].

Tujuan peraturan ini dikuatkuasakan adalah untuk memastikan pegawai-pegawai awam:

- 
- i. Melaksanakan tugas dengan cekap, beramanah dan bertanggungjawab;
  - ii. Meletakkan kepentingan awam lebih utama daripada kepentingan mereka sendiri;
  - iii. Menjaga imej perkhidmatan awam; dan
  - iv. Mengambil tindakan tatatertib ke atas kesalahan yang melanggar peraturan.

Dalam menjalankan tugas dan amanah dibekalkan dengan kuasa, ia perlu dikawal bagi mengelakkan sebarang pelanggaran integriti dan unsur-unsur negatif seperti rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi.

Setiap masa warga JPJ hendaklah menjaga tingkah laku dan perbuatan supaya nama baik perkhidmatan awam serta JPJ tidak terjejas bagi mengelakkan syak wasangka orang awam terhadap kejujuran dan kesungguhan dalam menjalankan tugas.

## 9. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB WARGA JPJ

- 9.1** Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, seluruh warga JPJ hendaklah bertanggungjawab seperti berikut:

i. **JANGAN MINTA**

Warga JPJ **dilarang meminta atau menerima** apa-apa bentuk suapan.

ii. **TOLAK**

Warga JPJ hendaklah **menolak** apa-apa tawaran atau pemberian rasuah dari mana-mana pihak luar.

iii. **LAPOR**

Warga JPJ hendaklah dengan **segera melaporkan** apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan atau Bahagian Integriti JPJ atau SPRM melalui saluran pengaduan yang disediakan.

## 10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK LUAR

**10.1** Semua pihak bertanggungjawab sama ada sebagai pelanggan, wakil / ejen, rakan niaga atau pemegang taruh yang berurusan dengan JPJ hendaklah mematuhi dan menyokong usaha-usaha antirasuah dalam setiap urusniaga dan perkhidmatan yang diterima di JPJ.

**10.2** Pihak berkepentingan dengan JPJ hendaklah bertanggungjawab seperti berikut:

i. **JANGAN BERI**

Pihak luar **dilarang memberi atau menawarkan** apa-apa bentuk suapan.

ii. **TOLAK**

Pihak luar hendaklah **menolak** apa-apa tawaran atau pemberian rasuah kepada mana-mana warga JPJ.

### iii. LAPOR

Pihak luar hendaklah dengan **segera melaporkan** apa-apa perlakuan rasuah sama ada ke Bahagian Integriti, JPJ atau SPRM melalui saluran pengaduan yang disediakan.

## 11. INISIATIF-INISIATIF PEMERKASAAN POLISI ANTIRASUAH JPJ

### 11.1 PELAKSANAAN MS ISO 37001:2016 ABMS

Bagi mendokong dan merealisasikan aspirasi negara, Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga JPJ hendaklah menyatakan komitmen, mematuhi dan menyokong usaha-usaha mencegah, mengesan dan respon ke atas sebarang perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara komprehensif dan efektif dengan memenuhi keperluan-keperluan MS ISO 37001:2016 ABMS.

Melalui pelaksanaan MS ISO 37001:2016 ABMS, seluruh warga JPJ komited untuk:

- i. Membanteras isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
- ii. Menutup segala ruang dan peluang berlakunya rasuah;
- iii. Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan JPJ dengan cekap dan telus; dan

- iv. Memantapkan dan menambahbaik sistem kawalan dalaman dan luaran melalui pematuhan dan pemantauan yang efektif ke atas peraturan, arahan jabatan dan prosedur-prosedur JPJ dari semasa ke semasa.

## 11.2 PEMATUHAN POLISI TIADA HADIAH

JPJ telah membangunkan Arahan Jabatan Bil.3/2018/I Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Tiada Hadiah Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia berkuat kuasa 05 Januari 2018 bertujuan untuk membendung salah guna kuasa yang mungkin mempengaruhi warga JPJ dalam proses membuat keputusan atau meletakkan dalam konflik kepentingan. Polisi ini berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil.3/1998 berkaitan Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam. Sekiranya terdapat sebarang pelanggaran terhadap polisi ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.

JPJ juga telah menerima pakai Polisi Tiada Hadiah di mana semua warga JPJ **tidak boleh** meminta, menerima, menawar dan memberikan sebarang hadiah, imbuhan atau perkhidmatan daripada mana-mana pihak. JPJ percaya bahawa polisi ini akan mengelak persepsi negatif atau kewujudan konflik kepentingan dalam semua urusan antara JPJ dan pihak ketiga yang berkepentingan atau orang awam yang berurus dengan JPJ.

Pegawai atau warga JPJ yang gagal mematuhi polisi ini boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## 11.3 AKU JANJI PERKHIDMATAN AWAM

Semua warga JPJ adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan 4 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Perintah-Perintah Am, Pekeliling, Surat

Pekeliling serta Peraturan dan Arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang perkhidmatan.

Sebagaimana yang telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2001, yang mana menggariskan sembilan (9) perkara:

- i. Akan sentiasa taat kepada yang Yang Dipertuan Agong, Negara dan Kerajaan;
- ii. Akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab;
- iii. Tidak membelakangkan tugas awam demi kepentingan peribadi;
- iv. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas awam;
- v. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh menimbulkan syak yang munasabah telah membiarkan kepentingan peribadi bercanggah dengan tugas rasmi sehingga menjaskan kegunaan sebagai pegawai awam;
- vi. Tidak akan menggunakan kedudukan sebagai pegawai awam bagi faedah diri sendiri;
- vii. Tidak akan berkelakuan dengan cara yang boleh memburukkan atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;

- viii. Tidak akan membawa sebarang bentuk pengarah atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan tuntutan diri sendiri atau pegawai lain berhubung perkhidmatan awam; dan
- ix. Tidak akan ingkar perintah atau dengan cara yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

#### **11.4 IKRAR BEBAS RASUAH**


Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan SPRM. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Melalui Polisi Antirasuah JPJ, semua Ketua Jabatan dan warga JPJ adalah dikehendaki untuk menandatangani IBR ini sebagai keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan sebagai usaha-usaha membanteras dan memerangi rasuah bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

#### **11.5 AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010**

Apa-apa aduan dan maklumat yang diterima oleh pegawai penerima maklumat Jabatan, identiti pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan dan dikendalikan mengikut Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Tujuan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 adalah untuk:

- 
- i. Memerangi rasuah dan salah laku lain (kelakuan tidak wajar) dengan menggalakkan dan memudahkan pemberi maklumat membuat pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta;
  - ii. Melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan; dan
  - iii. Mengadakan peruntukan supaya perkara yang didedahkan disiasat.

## 11.6 ***INTEGRITY PACT***

Pada asalnya *Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Industri Perniagaan dan masyarakat dalam usaha membendung gejala rasuah dalam perolehan kerajaan.

Pekeliling Perbendaraan Bil.10/2010: Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* Dalam Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia telah memutuskan supaya pelaksanaan diperluaskan dalam perolehan Kerajaan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Perolehan Kerajaan;
- ii. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Jawatankuasa Berkaitan Perolehan;
- iii. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Ahli Lembaga / Jawatankuasa Perolehan;
- iv. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pembida; dan

v. Pelaksanaan *Integrity Pact* Bagi Pelantikan Perunding.

Pelaksanaan *Integriti Pack* adalah diwajibkan untuk dipatuhi oleh warga JPJ di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.

### **11.7 DUE DILIGENCE**

*Due diligence* boleh ditafsirkan sebagai semakan ketekunan wajar yang dilaksanakan sebagai tapisan atau ujian bagi menilai risiko atau kebarangkalian yang boleh memberikan kesan sama ada positif atau negatif ke atas sesuatu projek, aktiviti, urusniaga atau pihak ketiga dan jawatan tertentu.

Maka, JPJ hendaklah mewujudkan satu kaedah dan mekanisme due diligence yang secara berkesan dan telus untuk diperaktikkan di dalam setiap projek, aktiviti dan urusniaga yang ditawarkan terutamanya yang mempunyai tahap risiko rasuh, penyelewengan dan salah guna kuasa yang tinggi seperti **perolehan atau tender, kontrak perkhidmatan atau pembekalan, kelulusan permohonan baharu dan pembaharuan permit**.

Selain itu, *Due Diligence* hendaklah dilaksanakan ke atas proses pengambilan anggota atau pegawai baharu, pengesahan jawatan dan perkhidmatan, penempatan, kenaikan pangkat, sebarang penganugerahan oleh Jabatan atau Perkhidmatan Persekutuan dan Negeri serta lain-lain insentif yang ditawarkan oleh Jabatan atau Perkhidmatan Awam.

### **11.8 KEGIATAN POLITIK**

Semua warga JPJ hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan tidak melanggar larangan yang terkandung di dalam

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993. Semua warga JPJ juga dilarang daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti politik secara langsung atau tidak langsung yang boleh mencemarkan imej Jabatan dan Perkhidmatan awam.

#### **11.9 MENGGUNAKAN PENGARUH LUAR UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI**

Semua warga JPJ pada setiap masa, mestilah menjaga batasan pergaulan antara kakitangan, rakan dan pihak luar terutama pergaulan dengan pihak-pihak berkepentingan dengan Jabatan seperti ejen, rakan niaga, orang tengah, persatuan, kelab dan lain-lain pihak berkaitan supaya tidak timbul tohmahan daripada pihak luar atau masyarakat yang boleh menghilangkan keyakinan terhadap JPJ.

Selain itu, semua warga JPJ hendaklah melaksanakan tugas dengan berintegriti tanpa melibatkan kepentingan peribadi dan sentiasa meletakkan keperluan jabatan terlebih dahulu semasa menjalankan tugas rasmi.

#### **11.10 PENGISYTIHARAN HARTA**

Setiap warga JPJ hendaklah mengisyiharkan secara bertulis atau melalui Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) dengan disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan mengenai segala aset atau harta yang dipunyai olehnya atau isteri / suami atau anak-anaknya atau mana-mana orang bagi pihaknya atau isteri / suami atau anak-anaknya kepada Ketua Jabatan apabila dilantik sebagai penjawat awam atau warga JPJ seperti yang ditetapkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 berkaitan Pemilikan Dan Pengisyiharan Harta Oleh Pegawai Awam.

Jabatan menetapkan pengisytiharan harta hendaklah dilakukan oleh semua warga JPJ termasuk **pasangan sama ada isteri ataupun suami**. Sekiranya mana-mana warga JPJ gagal melakukan pengisytiharan harta boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

### 11.11 KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Seseorang warga JPJ boleh dianggap berada dalam keterhutangan kewangan yang serius jika:

- i. Jumlah hutang yang tidak bercagar dan melebihi 10 kali emolumen bulanannya. Ini bermaksud baki gaji akhir adalah kurang daripada 40%. Oleh yang demikian pegawai awam hanya dibenarkan berhutang 60% daripada emolumen dan mempunyai baki gaji sekurang-kurangnya 40%; dan
- ii. Beliau adalah seorang penghutang yang muflis.

Semua warga JPJ hendaklah pada bila-bila masa tidak boleh terlibat dengan perkara-perkara berikut:

- i. Tidak boleh pada bila-bila masa meminjam wang daripada sesiapa sahaja sehingga meletakkan beliau dalam situasi keterhutangan kewangan yang serius;
- ii. Tidak boleh menjadi penjamin kepada seseorang sehingga meletakkan dirinya dalam keadaan keterhutangan kewangan yang serius; dan
- iii. Tidak boleh menyertai atau menganjurkan sebarang skim cepat kaya atau seumpamanya.

Melalui Polisi Antirasuah JPJ, Ketua Jabatan perlulah memantau dan memperingatkan kakitangan di bawah jagaannya dengan mematuhi Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

### **11.12 PEKERJAAN LUAR**

Setiap warga JPJ tidak dibenarkan melakukan sebarang pekerjaan luar tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan. Dalam menimbangkan untuk menyokong ataupun tidak sesuatu permohonan, Ketua Jabatan hendaklah mengambil perhatian tentang tatakelakuan yang ditetapkan dalam Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap warga JPJ yang melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran atau telah melanggar mana-mana syarat di bawah Peraturan 5 (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tindakan tatatertib juga boleh dikenakan kepada mana-mana Ketua Jabatan yang didapati cuai menyelia aktiviti pekerjaan luar pegawai dan kakitangannya atau tidak mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan sepetimana di bawah Peraturan 3C Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

### **11.13 PENGIKTIRAFAN KEPADA WARGA JPJ**

Bagi meningkatkan, menggalakkan serta memberi motivasi kepada penjawat awam terutamanya warga JPJ bagi melaporkan sebarang kesalahan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang berlaku.

Pengiktirafan dalam bentuk sijil penghargaan, pencalonan anugerah pingat di peringkat Persekutuan atau Negeri, atau ganjaran boleh diberikan kepada mana-mana warga JPJ yang melaporkan pemberian dan penerimaan rasuah berdasarkan Surat Edaran Ketua Setiausaha Negara bertarikh 11 Mei 2011 Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian dan Penerimaan Rasuah.


#### **11.14 PUSINGAN KERJA**

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004, Panduan Pertukaran Pegawai Awam menjelaskan berkaitan urusan pertukaran dan pusingan kerja pegawai-pegawai awam supaya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, berkesan dan seragam.

Pusingan kerja bermaksud satu kaedah di mana Jabatan memberi penempatan atau tugas yang berbeza dalam setiap Bahagian atau Unit selepas tempoh tertentu kepada seseorang pegawai bagi memastikan setiap pegawai memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang luas serta pengalaman kerja yang bebeza.

Objektif pertukaran dan pusingan kerja akan dapat membantu memperkaya dan memperluaskan tugas (*job enrichment* dan *job enlargement*) yang boleh menyumbang:

- i. Peningkatan produktiviti seseorang pegawai dan organisasi;
- ii. Menambah serta mempelbagaikan pengalaman, pendedahan dan proses pembelajaran di kalangan pegawai;
- iii. Membendung rasa jemu bertugas di satu tempat dan menjalankan tugas yang sama dalam tempoh masa yang panjang;

- 
- iv. Memperluaskan lagi *networking* pegawai kerana ini dapat membantu mempermudahkan dalam melaksanakan tugas jawatan masing-masing; dan
  - v. Memberi peluang kepada pegawai mendapatkan tugas yang sesuai dengan minat, kebolehan, latihan dan pengalaman mereka supaya mereka dapat mencapai penghasilan kerja yang maksimum.

Pelaksanaan pertukaran dan pusingan kerja adalah penting bagi memastikan semua pegawai dan warga JPJ dapat mencegah sebarang kemungkinan berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah dalam menjalankan tugas terutamanya jawatan yang berisiko tinggi dan sensitif.

## **11.15 KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN MAKLUMAT JABATAN**

Sebagai komitmen terhadap Polisi Antirasuah JPJ terutamanya bagi mengatasi isu-isu seperti penyalahgunaan ke atas sebarang bentuk Identifikasi Pengguna (ID) atas talian Jabatan, kebocoran maklumat operasi dan penguatkuasaan, kebocoran maklumat pengujian atau peperiksaan / temuduga, semua warga JPJ hendaklah memastikan setiap masa;

- i. Memastikan semua maklumat dan dokumen terperingkat sentiasa terpelihara dan disimpan di tempat yang selamat sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Keselamatan Kerajaan;
- ii. Tidak berkelakuan cuai atau tidak bertanggungjawab ketika melaksanakan tugas rasmi Jabatan termasuklah dalam aspek penjagaan kerahsiaan ID dan kata laluan sistem atas talian jabatan yang telah dipertanggungjawabkan ke atas setiap pegawai mahupun anggota, di mana sekiranya perlanggaran tatakelakuan tersebut berlaku, ia

boleh mengakibatkan Jabatan terdedah kepada implikasi undang-undang oleh pihak luar susulan daripada terdedahnya kerahsiaan sesuatu maklumat dokumen fail terperingkat dan maklumat terperingkat daripada sistem atas talian;

- iii. Tidak mendedahkan apa-apa maklumat terperingkat dengan apa cara sekalipun semasa atau selepas berkhidmat dengan Jabatan ini;
- iv. Tidak membuat salinan atau menggunakan mana-mana dokumen terperingkat dengan apa cara sekalipun untuk kepentingan peribadi kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan; dan
- v. Menjaga dan mengurus semua dokumen terperingkat yang ada dengannya kepada Ketua Jabatan selaras dengan peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972.

## **12. KUAT KUASA ARAHAN**

Arahan Jabatan ini berkuat kuasa mulai 20 September 2021 di JPJ seluruh Malaysia. Sebarang pelanggaran dan ketidakpatuhan ke atas Arahan Jabatan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

## **13. PEMANSUHAN/ PENGECUALIAN**

Dengan berkuatkuasa Arahan Jabatan ini maka Arahan Bil. 6 Tahun 2017, Pelaksanaan Dasar Antirasuah Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia bertarikh 09 Oktober 2017 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MESRA, CEKAP, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' ZAILANI HJ. HASHIM)**

*Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan  
Malaysia*

s.k:- Fail : JPJ.BC.100-1/5/1 Jld.2 (42)